

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN SHAMSUL ISKANDAR @ YUSRE
BIN MOHD AKIN
(BUKIT KATIL)**

PERTANYAAN : BERTULIS

**Y.B. TUAN SHAMSUL ISKANDAR @ YUSRE BIN MOHD AKIN [
BUKIT KATIL]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan
menyenaraikan bantuan kewangan oleh Kerajaan Persekutuan bagi
setiap Kerajaan Negeri untuk membayar gaji penjawat awam masing-
masing, dari tahun 2013 hingga 2017.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan tidak menyediakan Pemberian atau bantuan secara khusus untuk membayar gaji penjawat awam kepada negeri-negeri. Sebaliknya semua Pemberian yang disediakan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Negeri disalurkan dan diperakaunkan kepada Kumpulan Wang Disatukan Negeri. Dana kumpulan wang ini digunakan untuk membiayai perbelanjaan mengurus dan pembangunan negeri yang

45

dibentangkan sebagai Bajet tahunan negeri kepada Dewan Undangan Negeri masing-masing termasuk untuk membiayai emolumen kakitangan awam negeri.

Senarai Pemberian/Bantuan Kerajaan Persekutuan kepada Negeri adalah seperti berikut:

1. Pemberian Mengikut Bilangan Orang
2. Pemberian Penyelenggaraan Jalan Negeri (MARRIS)
3. Pemberian Pertambahan Hasil
4. Geran Tahunan Kepada Pihak Berkuasa Tempatan (Berasaskan Kaedah Keseimbangan)
5. Bayaran Perkhidmatan Kepada Negeri-negeri
6. Pemberian Di Bawah Senarai Bersama (50% kos mengurus Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Perkhidmatan Haiwan, Jabatan Pengairan dan Saliran, Majlis Sukan Negeri dan Jabatan Perancang Bandar dan Desa)
7. Bayaran Pemansuhan Duti Import dan Eksais Atas Barangan Petroleum Kepada Negeri Sabah Dan Sarawak
8. Pemberian Bantuan Bil Lampu Jalan dan Lampu Isyarat Kepada Pihak Berkuasa Tempatan (50% daripada caj bil)
9. Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup
10. Pemberian Kekurangan Akaun Mengurus

11. Pemberian Kepada Perpustakaan Negeri
12. Pemberian Kepada Muzium Negeri
13. Pemberian Khas Tahunan Sabah
14. Pemberian Khas Tahunan Sarawak
15. Pemberian Tahunan Selangor
16. Pemberian Tahunan Kedah